

1025

PERTUBUHAN USRAH FITRAH

NOOR HAFIZAH BT. MOHD HARIDI
NORSALEHA BT MOHD SALEH
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bangi, Selangor.
noorhafizah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Dakwah adalah satu program yang terancang dan boleh membawa kepada pengamalan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang individu. Dalam Islam, dakwah adalah tanggungjawab yang disarankan dilaksanakan oleh setiap orang Islam sama ada secara individu atau secara kolektif. Dalam menangani isu berhubung golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), peranan pendakwah adalah amat penting untuk membuktikan bahawa Islam mampu dan boleh menyelesaikan pelbagai masalah sosial. Penumpuan utama artikel ini adalah untuk mengenalpasti program dakwah terhadap golongan LGBT. Kajian ini memfokuskan program dakwah yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah terhadap kumpulan LGBT.

Kata Kunci: Program dakwah, Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), Pertubuhan Usrah Fitrah

1.0 PENDAHULUAN

Pertubuhan Usrah Fitrah merupakan sebuah badan NGO yang bergerak bebas dengan menumpukan kepada usaha-usaha amal kebajikan dan mendapat bimbingan dan panduan daripada Majlis Agama Islam, Klang dan bergerak. Pertubuhan ini merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang memfokuskan dakwah kepada golongan komuniti terpinggir terdiri daripada HIV (PLHIV), Mak Nyah, Gelandangan, Pengguna Dadah, Pekerja Seks dan lesbian, gay bioseksual dan transgender (LGBT).

Pertubuhan Usrah Fitrah dicetuskan bermula dari program lawatan ke Langkawi melibatkan 44 orang kumpulan komuniti (LGBT) bersama penggerak dakwah MAIS. (Zh;18-20). Pertubuhan ini secara tidak langsung membantu membuka dimensi masyarakat umum terhadap golongan “komuniti terpinggir” yang berbentuk *stigma* dan *judge mental*. Kebanyakan masyarakat memandang rendah dan menghina golongan ini.

Orientasi pertubuhan Pertubuhan Usrah Fitrah ini tidak bermaksud pertubuhan ini menyokong tuntutan LGBT sebagaimana usaha yang diperjuangkan oleh Ambiga Sreevanasan. Ambiga Sreevanasan, atau wajar digelar wanita besi, atas semangatnya berjuang menentang arus. Beliau mendedikasikan hidupnya untuk memperjuangkan hakasasi manusia. Untuk itu, beliau telah dikritik dan diprovokasi berbagai pihak tetapi beliau berjaya meraih penghormatan dan menerima penghargaan dari berbagai pihak juga. Atas kesungguhan beliau memperjuangkan pendiriannya, beliau telah menerima anugerah International Women of Courage pada tahun 2009 oleh kerajaan Amerika, dan hanya baru-baru ini, pada 23 September tahun ini, beliau menerima anugerah tertinggi Perancis Chevalier de Legion d’Honneur (Knight of the Legion of Honour) daripada kerajaan Perancis. Pada tahun 2012 ini beliau membuka sejarah baru di Malaysia apabila beliau lantang menyuarakan sokongan beliau ke atas golongan LGBT di Malaysia.

Perjuangan beliau ini sememangnya bertentangan dengan nilai, etika dan keagamaan yang diamalkan di Malaysia.(<https://www.scribd.com/doc/105473266/Pengenalan-LGBT>)

2.0 DEFINISI PROGRAM DAN AKTIVITI DAKWAH

Sebelum menjelaskan apakah maksud program dan aktiviti dakwah, eloklah diperjelaskan serba sedikit apakah yang dimaksudkan dengan program dan aktiviti dakwah. *Kamus Dewan Bahasa* mendefinisikan program merupakan satu rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan. (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka,2007)

Manakala *Kamus Melayu Global* pula mendefinisikan dakwah itu satu kegiatan menyeru dan membimbing serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari (menghayati) dan mengamalkan ajaran yang sebenarnya, penyebaran ajaran agama (lazimnya dimaksudkan agama Islam) oleh kumpulan yang bergiat menyebarkan (mengembangkan) ajaran-ajaran agama Islam. (Hassan Hamzah. 1996). *Kamus Idris Marbawi* memberi maksud dakwah sebagai menyeru, memanggil atau mengajak orang-orang masuk agamanya atau mazhabnya. (Muhammad Idris Abdul Rauf Marbawi,2006)

Dalam *The Encyclopaedia of Islam* menyatakan dakwah "is the invitation, addressed to men by god and the prophets, to beleive in the true religion, Islam". (E.J.Brill, 1983). Aktiviti pula membawa maksud kegiatan. (Hajah Noresah bt.Baharom,2007)

Program dakwah ialah satu seruan atau ajakan yang mengandungi mesej ataupun dasar yang ada pengisian mengenai Islam termasuklah berita gembira dan amaran yang menggerunkan supaya manusia beriman kepada Allah dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan. Hal ini selari dengan pendapat Abd. Karīm Zaydan yang menyatakan bahawa program dakwah hendaklah dilaksanakan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan menyeru manusia supaya beriman kepadaNya, melaksanakan amar makruf dan menjauhi kemungkaran (Nor Raudah Hj. Siren,2006)

Menurut Mohd Kamil bin Hj. Abd. Majid program dakwah ditumpukan kepada empat bahagian: (Mohd. Kamil b. Hj Abd.Majid,1988)

- i. Pembersihan dan penyucian akal daripada bibit-bibit pengaruh asing dan menanamkan pengajaran Islam supaya dapat dinilai secara kritikal terhadap keilmuan, kesenian, sistem budaya dan tamadun Barat kemudian memberikan alternatif Islam terhadapnya.
- ii. Mereka yang baik dihimpunkan dalam satu sistem tarbiah Islam yang sebenar. Mereka dari pelbagai sektor diperlukan baik intelek dan bukan intelek, golongan miskin dan kaya. Mereka diberi tarbiah dalam pemikiran dan akhlak supaya fikiran mereka bertambah jelas dan hati bertambah bertenaga.
- iii. Melakukan perubahan dalam masyarakat.
- iv. Memperbaiki sistem pemerintahan.

3.0 PERTUBUHAN USRAH FITRAH

Pertubuhan Usrah Fitrah merupakan sebuah badan NGO yang bergerak bebas dengan menumpukan usaha amal kebajikan dan mendapat bimbingan dari Majlis Agama Islam, Klang di bawah unit Pengurusan al-Riqab. Pertubuhan Usrah Fitrah, Klang telah berdaftar secara rasmi pada Januari 2017. Sehubungan itu pihak pertubuhan ini memulakan operasi secara rasmi di rumah pengurus iaitu Rohaizad bin Abdul Rahman dan rumah setiausaha iaitu Azman bin Hassan.

Usrah Fitrah bermaksud keluarga dan hakikat. Nama tersebut diambil berdasarkan tujuan usrah fitrah ditubuhkan berasaskan kepada konsep “kekeluargaan” yang diterapkan. Manakala fitrah bermaksud kembali kepada hakikat iaitu hakikat sebagai umat Islam yang patuh terhadap perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW serta meninggalkan segala larangan. (Zh;18-20) 26 Februari 2016 merupakan tarikh rasmi penubuhan Pertubuhan Usrah Fitrah. Kelas untuk pertubuhan ini diadakan setiap minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad.

Pertubuhan ini telah ditubuhkan oleh sekumpulan individu yang berminat menjalankan kerja-kerja amal dan berkumpul untuk menambah pengetahuan tentang ilmu agama dan memfokuskan kepada pembangunan masyarakat komuniti terpinggir. Bermula dengan kegiatan melalui facebook (FB). Pertubuhan ini juga di peringkat awal dikendalikan oleh Unit Pengurusan al-Riqab. Pertubuhan Usrah Fitrah telah diberi ruang dan peluang untuk menjalankan aktiviti usrah secara berkala di bilik kuliah MAIS, Klang. Dalam beberapa program melibatkan komuniti terpinggir, Pertubuhan Usrah Fitrah merupakan rakan kerjasama strategik bagi Unit Pengurusan al-Riqab. Dalam melaksanakan program bersama komuniti terpinggir seperti lesbian, gay, bioseksual, transgender (LGBT) , pengidap HIV, gelandangan dan sebagainya.

Pertubuhan ini turut mendapat kerjasama yang menggalakkan dari institusi masjid, pensyarah dan mahasiswa pusat pengajian tinggi awam mahupun swasta serta individu lain dalam usaha merealisasikan matlamat Pertubuhan Usrah Fitrah. Pertubuhan ini, menjalankan kerja-kerja dakwah secara santai dengan menumpukan kepada dakwah bil hal (perbuatan) dan bil lisan(komunikasi) dengan pendekatan utama “menyantuni” golongan sasaran. Kebanyakan program yang dijalankan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah adalah berbentuk penekanan dalam aspek pendidikan dan pemulihan terhadap masyarakat dan komuniti yang terlibat dalam isu komuniti terpinggir (HIV, Pengguna Dadah, Pekerja Seks, Gelandangan dan LGBT). Berikut empat pengenalan utama berkaitan pertubuhan ini.

a. VISI

Mendidik dan menyampaikan dakwah kepada kumpulan komuniti (LGBT) ke arah ajaran agama Islam yang lurus dan benar.

b. MISI

Mendidik dan menyampaikan dakwah menerusi pemulihan, kaunseling dan bimbingan dakwah kepada kumpulan komuniti untuk mengembalikan mereka menjadi mukmin yang sejati iaitu mentatati Allah SWT dan meninggalkan larangan Allah SWT.

c. OBJEKTIF

- i. Menyampaikan didikan dakwah Islam yang benar agar golongan komuniti tersayang ini sedar akan hakikat sebenar kehidupan.
- ii. Membimbing golongan komuniti tersayang menjadi mukmin sejati.

d. KEAHLIAN

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pengasas pertubuhan . Bilangan keahlian Pertubuhan Usrah Fitrah adalah seramai 40 orang. Kebanyakan mereka menganggotai pertubuhan ini secara sukarela bermula dari program lawatan ke Terengganu dan Langkawi oleh pihak Majlis Agama Islam Klang pada akhir 2015. Rentetan dari lawatan tersebut, ahli komuniti memohon kepada pihak MAIS untuk mengadakan kelas rutin bimbingan fardhu ain serta kelas pembangunan kerohanian pada setiap minggu. (Zh;53-61). Setelah pertubuhan tersebut berjaya didaftarkan keahlian Pertubuhan Usrah Fitrah semakin bertambah dan terdapat juga ahli Usrah Fitrah yang mengikuti program yang dianjurkan berdasarkan kepada ajakan rakan-rakan yang telah menanggotai pertubuhan atau mengikuti program-program yang dianjurkan oleh Persatuan Usrah Fitrah melalui Majlis Agama Islam Klang.

4.0 GOLONGAN LGBT

LGBT adalah singkatan bagi Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender iaitu sebuah kumpulan yang membentuk satu badan bebas (NGO) di luar negara untuk membantu dan memperjuangkan kumpulan yang mengalami kecelaruan jantina ini. Golongan ini sedang berusaha untuk membawa usul supaya Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang luar tabi'e dimansuhkan. Alasan mereka ialah pengharaman ini bertentangan dengan prinsip kebebasan manusia yang menjadi tuggak himpunan Seksualiti Merdeka yang dicadangkan pada 09 November 2011.

Menurut Blanch Consulting lesbian didefinisikan sebagai seorang perempuan yang tertarik secara emosional, seksual, fizikal terhadap perempuan lain. (Perry N.Halkitis et.al, 2009). Ia juga bermaksud hubungan songsang dan luar tabi'e diantara wanita dan wanita. Di Malaysia, perbuatan ini dianggap sebagai salah satu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatan tersebut. Jika di dalam Islam, lesbian ini lebih dikenali dengan panggilan *musahaqah*.

Istilah gay juga dikenali sebagai homoseksual didefinisikan sebagai golongan lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya.(Joyce M. Hawkins, 2014) Gay juga membawa pengertian yang lebih kurang sama dengan lesbian iaitu hubungan songsang dan luar tabi'e , akan tetapi gejala gay ini dipraktikkan diantara lelaki dan lelaki. Sesetengah orang tidak biasa dengan penggunaan bahasa gay tetapi lebih biasa menggunakan perkataan liwat.

Biseksual bermaksud amalan persetubuhan bebas antara pasangan lelaki dan perempuan. (Sexual orientation, homosexuality and bisexuality, American Psychological Association. 8 Ogos 2013). Pasangan yang dinyatakan di sini termasuklah pasangan yang mengamalkan persetubuhan

semasa sebelum berkahwin dan semasa sudah berkahwin juga iaitu dengan menukar pasangan berkahwin dengan orang lain.

Transgender bermaksud pengalaman yang dialami apabila seseorang individu merasa tidak selesa dengan jantina semulajadinya (anatomi seks yang dimilikinya). Individu tersebut dikatakan mempunyai keinginan serta kecenderungan untuk menukar imej badan dan identitinya termasuk cara hidup dan tingkah laku seperti jantina yang berlawanan dengan dirinya. Pernyataan ini disokong oleh Coyle dan Kitzinger (2002) yang menjelaskan bahawa ciri utama transeksualisme adalah memperkenalkan diri keseluruhannya dengan jantina yang berlawanan dengan kelahirannya sendiri. Lelaki transeksual sering beranggapan bahawa mereka adalah wanita yang terperangkap di dalam jasad lelaki. Amalan ini juga turut membawa kepada penukaran jantina yang sememangnya dilarang oleh Islam. Islam hanya membenarkan penukaran jantina bagi kaum khunsa iaitu kaum yang memiliki dua jantina sejak lahir lagi. Kaum khunsa diberi hak untuk memilih jantina yang sesuai dengan mereka. Walaupun begitu, Islam mengharamkan dan menolak sama sekali penukaran jantina bagi yang sudah sedia lahir dalam keadaan normal. Di Malaysia, terma transeksual digunakan bagi merujuk transeksual lelaki iaitu lelaki yang ingin menjadi wanita, dan juga transeksual wanita iaitu wanita yang ingin menjadi lelaki dalam segala aspek kehidupan (Yik, 2001).

5.0 PROGRAM-PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH PERTUBUHAN USRAH FITRAH TERHADAP GOLONGAN LGBT

Pertubuhan Usrah Fitrah merupakan organisasi dakwah bukan kerajaan menumpukan dakwah kepada golongan terpinggir yang di antaranya ialah golongan yang telah diskriminasikan oleh masyarakat kita iaitu golongan lesbian, gay, bioseksual dan transgender. Pelbagai program-program yang telah mereka jalankan dengan meletakkan harapan agar golongan komuniti ini berubah ke arah kehidupan yang lebih positif. Pertubuhan Usrah Fitrah ini telah memperhalusi metodologi-metodologi yang berkesan dan juga objektif yang ingin dicapai agar setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan pendekatan yang mudah difahami oleh golongan sasaran dan juga dapat memberi kesan yang efektif kepada mereka. Di antara program yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah ialah:

a. PROGRAM KESEDARAN DAN MOTIVASI

Antara program yang dijalankan oleh pertubuhan ini adalah mengadakan program kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya kecelaruan gender, hubungan sejenis kepada generasi pada masa kini. Selain itu, memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa golongan yang dianggap “komuniti” ini perlu diberikan peluang agar mereka dapat berubah ke arah kebaikan. Program ini dijalankan dengan sokongan dana daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain itu, Pertubuhan Amal Firdausi (PERTUBUHAN USRAH FITRAH) menyediakan bengkel pendedahan golongan LGBT kepada golongan atasan seperti majlikan-majlikan dari pelbagai syarikat, ketua-ketua kampung dan juga ahli-ahli agama.

b. KELAS FARDHU AIN

Selain itu, pertubuhan ini juga mengadakan kelas fardhu ain yang berpusat di Majlis Agama Islam (Kelang) atau di rumah pertubuhan yang terletak di Taman Seri Andalas(Klang). Kelas

fardhu ain ini akan dijalankan pada hari Sabtu dan Ahad dan diadakan pada setiap minggu. Kelas fardhu ain bermula pada pukul sembilan pagi hingga pukul satu tengah hari. Selama tempoh empat jam kelas ini dijalankan mereka diajar mengikut modul yang telah disediakan oleh MAIS dan disampaikan oleh tenaga pengajar yang dilantik oleh MAIS. Penekanan elemen fardhu ain seperti solat fardhu amat diberikan penekanan. Solat dapat membangunkan sahsiah dan peribadi insan itu sendiri dalam mendekatkan diri daripada perkara kebaikan dan menjauhkan diri daripada perkara mungkar.

c. PROGRAM USRAH

Pertubuhan Usrah Fitrah juga mengadakan usrah di dalam kalangan mereka. Di dalam usrah ini mereka diberi peluang untuk berkongsi menceritakan tentang kebesaran Allah dan juga Sirah Nabawiyyah. Usrah ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana pengetahuan agama golongan komuniti ini secara individu. Ia dapat menambahkan pengetahuan agama dalam setiap perkongsian mereka. “Sharing moment” juga turut diadakan antara setiap ahli bagi berkongsi pengalaman yang positif mereka setelah berhijrah kepada kehidupan fitrah. Jelasnya, banyak cabaran yang mereka lalui. Program ini terbukti berkesan apabila golongan komuniti yang berubah ke arah kebaikan di bawah kelolaan Pertubuhan Usrah Fitrah benar-benar menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka. Terdapat juga dari kalangan mereka yang berusaha membawa kumpulan komuniti yang masih hidup di lorong-lorong gelap, mengamalkan cara hidup songsang mengikuti program-program yang disediakan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah

d. KELAS IQRA' DAN MENGAJI

Pertubuhan Usrah Fitrah juga mengadakan kelas mengaji yang diadakan pada hari Sabtu dan Ahad setiap minggu.. Kelas mengaji ini dijalankan selama empat jam iaitu pada pukul sembilan pagi hingga satu petang. Kelas ini berlangsung dengan secara tertutup. Kelas mengaji, kelas fardhu ain dan juga usrah hanya dibuka kepada kumpulan komuniti sahaja. Ia bertujuan mereka dapat menyesuaikan diri pada keadaan semasa dengan lebih selesa.

e. STREET DAKWAH

Pertubuhan Usrah Fitrah tidak hanya tertumpu pada penyebaran dakwah kelas sahaja. Malah Pertubuhan ini melalui kerjasama yang diberikan melalui MAIS, JAKIM dan pihak NGO dan IPT yang lain turut menjalankan program-program di luar kawasan daripada kelas. Salah satu program yang mereka lakukan adalah mengadakan *street dakwah* atau dalam bahasa mudah ialah dawah jalanan. Bertepatan dengan hadith Rasulullah saw dalam (Sahih Bukhari, 3274) yang bermaksud “Sampaikan padaku walau satu ayat”

Mereka bukan sahaja memberi *flyers* kepada golongan sasaran ini tetapi menerangkan kepada mereka tentang keindahan Islam dan juga tanggungjawab seorang muslim di muka bumi ini. Ketika program ini berlangsung, mereka mengambil pendekatan meyantuni secara hikmah, tidak memaksa kumpulan komuniti yang masih terlibat dengan cara hidup (LGBT) berubah agar mereka dapat berfikir secara rasional tentang kesalahan yang telah mereka lakukan. Secara tidak langsung ia akan memudahkan kepada golongan sasaran ini berubah dengan mudah kepada kehidupan sepatutnya mereka lalui dengan normal.

f. POSITIVE LIFE PROJECT (P+ LIFE PROJECT)

Program *P+ Life Project* adalah satu kumpulan kecil yang dijalankan secara rahsia di mana mengumpulkan sebilangan sahabat komuniti yang merupakan mereka yang hidup dengan HIV. Data-data kepada komuniti ini dipegang oleh satu bahagian yang dikendalikan secara sistematik dan rahsia oleh Presiden dan Setiausaha dengan menganjurkan pelbagai aktiviti Usrah khas dan juga kem motivasi selain kaunseling bagi komuniti ini. Setelah dijalankan semenjak tahun 2016, PLHIV dalam kalangan komuniti Pertubuhan Usrah Fitrah telah berubah menjadi mereka yang kuat dan dapat menyumbang balik kepada komuniti dan terlibat secara aktif dalam sebarang program Pertubuhan Usrah Fitrah. Pertubuhan Usrah Fitrah juga menganjurkan beberapa siri ceramah dan pendidikan untuk memahamkan masyarakat tentang isu HIV secara berkala. Program yang dijalankan di bawah projek ini adalah secara berkala dan khusus untuk kalangan mereka yang hidup dengan HIV sahaja dan berada dalam kawalan satu jawatankuasa khas. Selain itu pelbagai kempen kesedaran untuk masyarakat secara terbuka juga dijalankan. Sepanjang Pertubuhan Usrah Fitrah memfokuskan kepada program kesedaran seperti HIV dan ISLAM, HIV dan Perkahwinan dan Pengurusan Jenazah HIV.

g. PROJEK SUKARELAWAN MUSLIM

Projek ini merupakan projek perintis untuk mencari pelapis yang boleh mengetuai segala isu yang berkaitan dengan komuniti terpinggir. Kebanyakan peserta terdiri daripada kalangan masyarakat, belia dan juga ahli Pertubuhan Usrah Fitrah yang ingin melatih kemahiran dan kepakaran untuk berhadapan dengan komuniti terpinggir seperti mereka yang hidup dengan HIV (PLHIV), Mak Nyah, Gelandangan, Pengguna Dadah, Pekerja Seks dan LGBT. Hasil daripada program ini, mereka akan dipilih menjadi penggerak dan juga kaunselor kepada komuniti terpinggir. Program ini dijalankan dalam bentuk bengkel dan praktikal 3 bulan sekali dan tempat bergantung di mana mana tempat yang bersesuaian.

h. PROGRAM JALINAN MAHABBAH

Program ini merupakan program yang dijalankan secara berkala oleh pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor melalui kursus Jihad Dalam Islam melibatkan mahasiswa Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Program yang berorientasikan menyantuni atau mendekati ahli Pertubuhan Usrah Fitrah. Program ini jelas mendapat kerjasama yang erat dari kedua-dua belah pihak. Program “One Moment with Usrah Fitrah” bermula dengan program rintis bersama dengan pengerusi pertubuhan di sekitar Kuala Lumpur iaitu salah seorang komuniti tersayang iaitu Jadd.

6.0 KESIMPULAN

Pertubuhan Usrah Fitrah jelasnya merupakan pertubuhan yang memfokuskan dakwah kepada golongan komuniti terpinggir terutama golongan LGBT. Dalam membentuk syakhsiah diri golongan LGBT. Faktor kisah silam yang menghantui golongan LGBT ini bukanlah satu kekangan yang besar dalam mencorakkan pengisian kerohanian yang disediakan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah.

Pengisian program kerohanian yang dijalankan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah dilihat dapat mendekatkan diri kepada Allah, bertepatan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah ia juga selari dengan objektif Pertubuhan Usrah Fitrah sebagai sebuah persatuan yang memfokuskan kepada kumpulan LGBT. Pendekatan menyantuni secara hikmah amat dititik beratkan dalam berkomunikasi sesama golongan komuniti yang kini mereka menggelarkan ahli pertubuhan ini sebagai ‘komuniti tersayang’ agar dapat menjaga emosi dan perasaan mereka.

Penggunaan teknik dakwah bil hal kerap digunakan dan dipraktikkan dalam setiap program yang dijalankan. Hal ini dapat dilihat dengan contoh yang baik oleh pihak Pertubuhan Usrah Fitrah kepada kumpulan komuniti seterusnya penggunaan bahasa yang lemah lembut menarik minat golongan komuniti tersayang untuk menjalani kehidupan mereka

Tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh pihak pengurusan Pertubuhan Usrah Fitrah dalam dakwah terhadap komuniti tersayang. Terserlah dengan memperlihatkan perjalanan program-program pengisian kerohanian yang cukup lancar. Sementara itu, kita dapat melihat pengajaran aturan kehidupan golongan LGBT yang teratur dan sistematik yang telah disusun oleh pihak Pertubuhan Usrah Fitrah. Ternyata usaha pihak Pertubuhan Usrah Fitrah memberi impak yang positif kepada golongan transgender.

Justeru, pujian dan penghargaan yang tinggi sepatutnya diberikan kepada pihak pengurusan Pertubuhan Usrah Fitrah kerana mereka sanggup menghabiskan kehidupan mereka untuk memberi perhatian kepada komuniti terpinggir ini dengan baik dan terdapat sebahagian besar daripada ahli Pertubuhan Usrah Fitrah yang melakukan khidmat ini secara sukarela. Hal ini sememangnya patut dijadikan contoh kepada masyarakat dalam metelakkan golongan transgender sebagai tempat yang patut diberikan perhatian dan penghormatan yang sewajarnya bukan dipinggirkan oleh masyarakat.

RUJUKAN

- Hassan Hamzah. 1996. *Kamus Melayu Global*. Shah Alam : Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. Edisi keempat. Kuala Lumpur.
Lesbian and Gay Psychology: New Perspectives, Adrian Coyle (Editor), Celia Kitinger (Editor), Mohd. Kamil b. Hj Abd.Majid.1988. *Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.
Muhammad Idris Abdul Rauf Marbawi. 2006. *Kamus Idris Marbawi Arab-Melayu*. Kuala Lumpur:Darul Fikir.
Noor Hafizah Bt Mohd Haridi. 2016. *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT: Analisis Terhadap Persatuan Amal Firdausi (Pafi)*
Nor Raudah Hj. Siren .2006. *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
Perry N. Halkitis et.al. 2009. *The Meanings and The Manifestations of Religion and Spirituality Among Lesbain, Bisexual and Transgender*, Journal Adult Development 16(2), 2009.
Temubual bersama Penggerak Dakwah MAIS.Majlis Agama Islam Selangor, Klang.2017.
Reiden E.J.Brill. April 2002, *The Encyclopaedia of Islam (1983)*, New Edition. Netherland: iley-Blackwell.